

Selesai segera masalah perparitan di Bukit Kuching Tengah

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Sebanyak 32 keluarga penduduk Bukit Kuching Tengah, Kuala Selangor, Selangor berhadapan dengan kesulitan apabila rumah yang didiami mereka dinaiki air sejak tiga hari lalu.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, kehidupan penduduk kampung berkenaan akan bertambah sulit sekiranya hujan lebat berterusan setiap petang berikutan air tidak surut.

Menurutnya, berdasarkan tinjauan, penduduk memaklumkan bahawa masalah berkenaan berpunca daripada sistem saliran dan perparitan yang tidak

efisien.

"Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) memaklumkan bahawa sistem perparitan tidak terurus dan dibersihkan sejak lima tahun lalu, selain pam air elektronik di kunci air kampung ini sudah rosak.

"Saya amat berharap kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor serta Majlis Daerah Kuala Selangor dapat mengambil tindakan segera bagi membaik pulih sistem kunci air elektronik, sekali gus menyelesaikan masalah perparitan tersumbat," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu, Irmohizam

turut meminta pihak berkenaan memotong rumput serta membersihkan semak di kawasan itu yang didapati turut menjejaskan aliran air.

"Saya juga berharap kerajaan negeri yang berpegang kepada sentiasa slogan 'Negeri Berkebabajikan' agar dapat menyegerakan pembinaan kolam takungan di sempadan Puncak Alam dan kampung-kampung di Jeram.

"Ini bertujuan bagi memastikan apabila berlakunya kenaikan air di Puncak Alam, air tidak akan mengalir masuk ke kampung sekitar Jeram seperti Kampung Bukit Hijau dan Kampung Bukit Kuching Tengah," katanya.